

Pelarian selatan Filipina mula ceroboh Ma 60 dihalau, 33 dita

Oleh **LH** 23 SEP 2000
Lokman Zainal Abidin

KUALA LUMPUR, Jumaat – Pelarian perang dari selatan Filipina mula mence-robah perairan Malaysia dan setakat ini 33 orang sudah ditahan berhampiran Pufau Kaningan, Sabah, manakala 40 hingga 60 orang lagi diusir sebelum memasuki perairan negeri itu.

tentera di selatan negara itu, akan dianggap sebagai pelarian perang.

Dr Mahathir berkata, pelarian itu akan ditempatkan di kawasan khusus dan dilarang keluar, kecuali jika sanggup balik ke Filipina.

Zahidi berkata, pihak keselamatan sedang mengenali pasti pulau yang

Tebusan Malaysia dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat – Muka 8

Penahanan itu adalah yang pertama sejak pasukan keselamatan meningkatkan kawalan di perairan Sabah berikutan serangan besar-besaran tentera Filipina ke atas kumpulan Abu Sayyaf di Jo10 bagi membebaskan 22 tebusan, termasuk tiga rakyat Malaysia yang diculik dari Pulau Pandanan, 10 September lalu.

Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, berkata 33 pelarian yang ditahan dua hari lalu itu, tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang sah.

“Semuanya sudah diserahkan kepada polis bagi tindakan lanjut,” katanya pada sidang akhbar di kediamannya di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata rakyat Filipina yang melarikan diri ke negara ini untuk mengelak serangan

sesuai untuk menempatkan sementara pelarian perang itu.

“Sekiranya keadaan memerlukan, kita akan menempatkan mereka di pulau terbabit sebelum dihantar pulang ke negara asal,” katanya.

Zahidi berkata, mereka mendakwa sebagai pelarian perang dari selatan Filipina, tetapi itu bukan pasport untuk memasuki negara ini.

Selain menahan 33 pelarian itu, katanya, pasukan tentera turut mengarahkan bot yang membawa 40 hingga 60 orang lagi yang menghala ke perairan negara ini, berpatah balik ke Filipina.

“Sebagai langkah keselamatan, bot itu diarah berhenti di tengah laut untuk memastikan tiada sebarang senjata dibawa, sebelum diarah berpatah balik,” katanya.

LIHAT-MUKA 8

Polis, tentera perketat kawalan

DARI MUKA 1

Beliau bagaimanapun berkata, setakat ini tiada senjata api yang ditemui dalam bot yang membawa pelarian itu.

Zahidi berkata, pasukan tentera kini mengemukakan lagi kawalan keselamatan di perairan Sabah, termasuk menghantar beberapa bot Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut ke sana bagi mencegah memasuki lebih ramai pelarian perang.

Semalam, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata 138 anggota tentera pelbagai pangkat sudah ditempatkan di lapan pulau di perairan Sabah bagi mematahkan cubaan pelarian Filipina memasuki perairan Malaysia.

Difahamkan, pasukan tentera juga sudah meletakkan anggotanya di dua lagi pulau hari ini.

Zahidi berkata, pelarian perang Filipina mudah memasuki perairan negara ini kerana kedudukannya hampir dengan Sabah.

“Dari selatan Filipina ke perairan Sabah hanya mengambil masa kurang daripada sejam. Oleh itu, kawalan keselamatan di kawasan terbabit dibuat 24 jam bagi menghalang sebarang percubaan memasuki negara ini,” katanya.

Mengenai peruntukan khas kerajaan bagi meningkatkan tahap keselamatan di perairan Sabah, beliau berkata, Kementerian Pertahanan dalam proses untuk membeli 12 bot peronda laju.

Katanya, kementerian mungkin tidak membeli bot peronda laju CB-90 yang kini digunakan di perairan Sabah kerana proses pembeliannya akan mengambil masa empat hingga enam bulan.

Sebelum itu, Zahidi meraikan 40 anggota tentera yang cedera sempena Hari Angkatan Tentera Malaysia ke-67 yang diadakan di Rumah Perkasa.